

UCAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN AM DI PERAYAAN  
HARI WANITA NEGERI JOHOR PADA HARI SABTU 2HB  
SEPTEMBER, 1972 DI STADIUM LARKIN, JOHOR BAHRU  
JAM 3.30 PETANG

---

Yang Amat Mulia Tengku Shahariah,

Patik dengan hormat takzimnya memohon menyebarkan ucapan terimakasih patik kepada Yang Amat Mulia Tengku kerana sudi berangkat ke Majlis menyambut Hari Wanita petang ini. Keberangkatan Yang Amat Mulia Tengku sesungguhnya menambahkan lagi kemeriahan Majlis ini. Kesudian Yang Amat Mulia Tengku untuk berangkat hadir ini sangatlah dialu-alukan, serta disanjung tinggi oleh sekelian kaum wanita. Patik sekali lagi menyebarkan ucapan ribuan terimakasih. Patik mohon izin untuk berucap sepatah dua kepada para hadirin sekelian.

Y.B. Datin Fatimah Majid, Pengerusi Jawatankuasa Khas Perayaan Hari Wanita Negeri Johor dan Ahli-ahli Jawatankuasanya, Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Negeri Johor dan Datin, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan dan seterusnya rakan-rakan perjuangan saya yang di hormati sekelian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Puan Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Hari Wanita Negeri Johor kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Majlis ini.

Perayaan Hari Wanita telah diadakan sejak beberapa tahun yang lalu sebagai satu Hari Kebangsaan Kaum Wanita, dan sudah pun menjadi satu upacara tradisi masyarakat wanita Malaysia menyambut tiap-tiap tahun dengan meriahnya.

Sebagai Pengerusi Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, saya sangat-sangatlah tertarik dengan susunan acara pada Majlis yang meriah lagi permai ini. Baru sebentar tadi, puan-puan sekelian dengan penuh semangat telah melafazkan Ikrar Peristiwa Hari Wanita, yang telah di mulakan sejak 11 tahun yang lalu. Sejak itu, Ikrar yang bersemangat lagi berarti ini adalah di lafazkan oleh kaum wanita di seluruh negara tiap-tiap tahun ketika menyambut Hari Wanita yang bahagia ini. Mengulang pembacaan ikrar itu adalah kena pada ketikanya kerana inilah hari yang penting untuk dijadikan satu detik sejarah di mana kaum wanita memperkukuhkan azam membulatkan perpaduan dan berikrar memberi sumbangan-sumbangan kepada negara. Ikrar-ikrar yang puan-puan bacakan tadi mengandungi juga beberapa aspek Rukunegara.

Kerajaan berazam untuk menyusun semula masyarakat dan mewujudkan masyarakat yang adil, progresif, bersatu-padu dan modern, dengan berdasarkan kepada falsafah-falsafah Rukunegara. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-per-tubuhan Wanita Malaysia dan kaum wanita sekelian berazam untuk menjalankan usaha bersama ke arah ini. Usaha ini telah dapat kita jalankan melalui perayaan-perayaan Hari Wanita tiap-tiap tahun. Sebagai buktinya, lihat dan saksikanlah Majlis puan-puan pada hari ini. Hari Wanita yang dirayakan ini adalah mempunyai lima tujuan-tujuan besar dan penting.

Yang pertama ialah untuk mengingatkan kembali jasa-jasa perjuangan, pengalaman-pengalaman dan kejayaan kita bersama dalam tempoh kebelakangan yang lalu seperti di dalam lapangan pendidikan, dan asuhan, lapangan politik tanah air, lapangan perkhidmatan kebajikan, lapangan perjuangan meninggikan taraf kedudukan kaum wanita dan pengorbanan kaum wanita dalam masa darurat.

Yang kedua ialah untuk memperkukuhkan lagi semangat perpaduan dan saling faham memahami di antara berbagai kaum di negara ini.

Yang ketiga ialah untuk menyedari akan kepentingan kaum wanita meninggikan semangat untuk terus turut menyertai, bekerja dan berkhidmat bagi kepentingan masyarakat dan negara.

Yang ke empat pula ialah untuk mengutamakan penyertaan wanita di dalam bidang-bidang kemajuan ekonomi, pertanian, perdagangan, perindustrian, sains dan teknologi.

Yang ke limanya pula ialah untuk memberi perangsang kepada kaum wanita seluruhnya supaya bergerak hadapan untuk mencapai kemajuan dan kedudukan yang lebih baik mengikut kehendak-kehendak Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Dengan ini, ternyatalah bahawa perayaan hari wanita yang amat mulia ini adalah menjadi perkara kebangsaan, untuk faedah masyarakat seluruhnya, dan tidak terhad kepada kepentingan-kepentingan satu-satu kaum sahaja.

Dengan daya usaha puan-puan, saya dapati Negeri Johor telah merayakan Hari Wanita ini dengan cara yang tersendiri, iaitu dengan mengadakan perayaan di satu-satu daerah dengan secara bergilir-gilir. Saya berharap puan-puan sekelian akan meneruskan rancangan perayaan seperti ini supaya semua lapisan kaum wanita di seluruh Negeri Johor dapat mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan Hari Wanita.

Saya dapati juga usaha-usaha puan-puan mengadakan perayaan-perayaan Hari Wanita ini tiap-tiap tahun adalah mendapat perhatian dan sokongan kuat dari Kerajaan Negeri Johor, yang bermurah hati mengeluarkan peruntukan

sebanyak \$2,000/- tiap-tiap tahun khas untuk perayaan Hari Wanita. Sumbangan ini adalah satu tanda penghormatan tinggi Kerajaan Negeri Johor kepada kaum wanita. Bukan setakat itu sahaja, malahan Y.A.B. Datuk Menteri Besar Negeri Johor sendiri sanggup melapangkan masanya untuk bersama-sama kita di Majlis kita pada hari ini, walaupun beliau terlalu sebok dengan urusan-urusan penting yang lain.

Selain daripada itu, Jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat Negeri dan Daerah juga turut bekerjasama dan menolong menjayakan perayaan-perayaan ini. Segala sumbangan-sumbangan, kerjasama, bantuan-bantuan daripada semua pihak di Negeri Johor ini sangatlah dihargai dan disanjung tinggi oleh kaum wanita sekalian. Bagi kita kaum wanita, segala sumbangan, kerjasama dan bantuan itu adalah memberikan perangsang dan galakan kuat kepada kita untuk berganding bahu dengan Kerajaan, berusaha dan maju terus, bukan sahaja di dalam lapangan perpaduan dan kemajuan kaum wanita sahaja, bahkan juga dalam segenap bidang pendidikan, pelajaran, kesihatan serta ekonomi negara.

Di antara acara-acara perayaan Hari Wanita Negeri Johor ini, saya sangat tertarik kepada tujuan menganjurkan "Malam Amal" yang akan diadakan malam ini, untuk mengutip derma bagi membantu murid-murid dalam pelajaran. Langkah seperti ini memang sewajarnya di usahakan, memandangkan kepada berlakunya keciciran di kalangan murid-murid sekolah. Inilah satu sumbangan besar lagi berarti, daripada puan-puan sekalian, terhadap pembentukan satu jenerasi yang progresif lagi dinamis serta bertanggungjawab kepada bangsa dan nusa.

Selain daripada itu, saya juga tertarik dengan langkah Jawatankuasa Perayaan Hari Wanita Negeri Johor menganjurkan satu seminar di Batu Pahat pada 15hb September, bersempena dengan Hari yang mulia ini. Tema Seminar itu, iaitu "Peranan Wanita di zaman Pembangunan menghadapi Masaalah Keciciran Murid-murid Sekolah" adalah tepat sekali kerana ia ada mempunyai kaitan atau hubungannya dengan kita kaum wanita, sebagai isteri dan ibu yang bertanggungjawab. Sebagai isteri dan ibu, kita adalah berkewajipan memberikan asuhan, didikan, pelajaran dan bimbingan kepada anak-anak kita, yang bakal mewarisi perjuangan kita dan negara Malaysia. Langkah mengadakan majlis seperti Seminar ini sangatlah baik lagi berfaedah dan patut di galakkan lagi. Inilah salah satu daripada aktibiti-aktibiti yang memang digalakkan oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, untuk membolehkan wanita kita berani mengeluarkan pendapat-pendapat masing-masing mengenai berbagai-bagai masaalah. Melalui Majlis seperti ini, wanita kita boleh menunjukkan bahawa mereka juga ada kebolehan dan kecekapan untuk berceramah, berbincang dan berbahas. Di sini saya ingin menyampaikan ucapan tahniah saya kepada penganjur Majlis seminar tersebut.

Di dalam kegembiraan dan kemeriahan sambutan Hari Wanita ini, kita tidak seharusnya melupai nasib segulungan anggota masyarakat kita yang berkeperluan kerana kemiskinan, dan kecacatan, termasuk juga mereka yang tua dan mereka yang menjadi janda akibat kematian suami-suami dalam mempertahankan kedaulatan negara. Mereka seperti ini mempunyai anak-anak yang perlu diberi asuhan, didikan dan pelajaran untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab di atas diri mereka sendiri, dan berguna kepada bangsa dan negara. Kita tidak patut membiarkan keadaan mereka yang kurang bernasib baik ini berterusan. Kita kaum wanita sekalian hendaklah membaharui azam kita pada hari yang mulia ini untuk bertindak terusmenerus, membela nasib dan keadaan hidup mereka yang malang ini, dengan apa cara jua yang boleh, supaya keazaman dan kesengsaraan hidup mereka itu berkurangan. Kita sekalian patutlah bersyukur kepada Tuhan kerana Kerajaan kita telahpun mengambil langkah mengharankan kemasukan hippies ke negara kita Malaysia mulai 1hb September, iaitu semalam. Langkah ini memang wajar demi untuk memelihara muda mudi kita daripada di pengaruhi oleh kelakuan-kelakuan dan moral yang rendah, seperti yang terdapat di kalangan hippies itu. Saya percaya sekalian rakyat di negara ini, khasnya kaum wanita, menyokong kuat langkah Kerajaan ini, dan berazam pula untuk mendidik dan membimbing anak-anak kita, dan muda mudi kita supaya menghargai nilai akhlak yang tinggi, dan berpegang teguh kepada kesusi-laan dan kesopanan, sebagaimana yang terkandung di dalam Rukunegara kita.

Sebagaimana yang saudara-saudara sekalian sedia maklum, Tema Hari Wanita tahun ini ialah "Gerakan Pembaharuan". Bersempena dengan tema ini, maka kita perlulah membaharukan sikap, cara berfikir dan cara bertindak bagi melaksanakan rancangan-rancangan dan matlamat-matlamat perjuangan kita, bukan sahaja untuk kepentingan kedudukan kita sendiri, bahkan untuk kepentingan masyarakat dan untuk kemajuan serta kesejahteraan negara kita Malaysia.

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memandang jauh kehadapan dan berikrar untuk senantiasa bersiap sedia bagi meneruskan perjuangan-perjuangan kita di samping menjalankan tanggungjawab kita sendiri. Perjuangan-perjuangan kita untuk memperbaiki lagi taraf kedudukan wanita masih banyak, kerana apa yang telah tercapai setakat ini walaupun sangat menggalakkan masih belum mencukupi lagi. Di samping itu pula kita perlulah menjalankan tugas-tugas kita sebagai isteri dan ibu dalam bidang pendidikan, pengasuhan dan bimbingan keluarga kita. Kita hendaklah sedar bahawa kewajipan dan tanggungjawab kaum wanita tidak kurang beratnya daripada kaum laki-laki, bagaimana kata pepatah wanita itu tiang Negara. Tangan kanan menghayun buayan anak, tangan kiri membimbing Negara.

Sekali lagi saya memohon kepada puan-puan sekalian supaya terus berjuang, berusaha bukannya untuk kepentingan kita sendiri, bahkan untuk kemajuan bangsa dan kesejahteraan negara kita, Malaysia.

Sekian, terimakasih.